



**MEMORANDUM CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DAN REFORMASI
BERKAITAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA KEPADA**

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA**

OLEH

**PERTUBUHAN PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DAN
DASAR PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (PenDaPaT)¹**

**“KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)
DISARAN FOKUS EMPAT CABARAN UTAMA PENDIDIKAN TINGGI”**

Pengenalan

Memorandum ini disediakan oleh Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) bertujuan mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada dasar dan amalan dalam pendidikan tinggi negara berasaskan sintesis daripada dapatan kajian empirikal yang telah dihasilkan oleh kumpulan penyelidik berkaitan pendidikan tinggi. Sebagai sebuah pertubuhan yang bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan dasar pendidikan tinggi Malaysia berasaskan kesarjanaan, maka memorandum ini akan mencadangkan penambahbaikan kepada keseluruhan ekosistem IPT negara.

PenDaPaT mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin atas pelantikan sebagai Menteri Pendidikan Tinggi yang baharu. Kami percaya beliau merupakan calon terbaik bagi menggalas amanah besar untuk memimpin sektor pendidikan tinggi negara pada landasan yang betul. Pengalaman Khaled yang pernah dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi (2008-2013) diyakini dapat membantu beliau menentukan dasar dan strategi terbaik pendidikan tinggi dalam mendepani cabaran pasca pandemik. Tahniah juga diucapkan kepada YB. Dato' Mohd Yusof Apdal atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi.

¹ PenDaPaT adalah pertubuhan berdaftar (Nombor pendaftaran: PPM-016-07-26012015) di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM/ROS). Berdasarkan perlembagaan, pertubuhan ini berusaha untuk memartabatkan dasar dan amalan pendidikan tinggi berteraskan kesarjanaan, serta memantapkan hubungan dasar dan amalan pengajian tinggi negara kepada pembangunan negara.

Pada masa yang sama, **PenDaPaT merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB. Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana mengekalkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai satu kementerian yang berasingan seperti sebelum ini.** Pengekalan KPT sangat tepat pada keperluan semasa bagi memastikan perkembangan pendidikan tinggi dilaksana dengan lebih mantap dan berkesan. Lebih-lebih lagi sektor pendidikan tinggi berhadapan dengan situasi sukar dalam pasca pandemik COVID-19 yang memerlukan pendekatan yang berbeza, terfokus dan bertransformatif.

PenDaPaT berpandangan sekurang-kurangnya empat cabaran asas yang perlu diberikan perhatian oleh YB. Menteri Pendidikan Tinggi agar sektor pendidikan tinggi negara bingkas bergerak ke hadapan dan dalam tempoh pasca pandemik. **Empat (4) cabaran tersebut adalah kepemimpinan IPT, pengantarabangsaan, sumbangan universiti kepada negara dan masyarakat dan pengekalan ekosistem dan budaya akademik tulen berasaskan kecemerlangan**

CABARAN KEPEMIMPINAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)

Aspek kepemimpinan adalah elemen terpenting dalam konteks universiti, Usaha berterusan untuk memperkukuhkan kepemimpinan universiti perlu dilakukan **agar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dapat dipandu seiring dengan visi, misi dan matlamat penubuhannya.** Kepemimpinan universiti perlu memahami duduk peranan IPT dan tidak terganggu dengan agenda sampingan seperti perlumbaan ranking yang mengalihkan fokusnya bagi memacu kecemerlangan sebenar.

Isu :

- 1) IPT mengalami ketandusan barisan pemimpin akademik yang berwibawa di peringkat pengurusan tertinggi, iaitu (Naib Canselor), pengurusan akademik kanan (Dekan, Pengarah) dan Kepimpinan Akademik (Profesor Berwibawa).
- 2) Terdapat bidang kepakaran/jabatan yang tidak mempunyai ahli sarjana berwibawa yang belum mencapai status kecemerlangan. Hal ini menyebabkan pusat atau jabatan tidak lagi relevan, tidak mempunyai keterlihatan pencapaian bidang kepakaran walaupun pada satu masa dahulu, pusat atau jabatan tersebut telah bertapak dengan baik dan mempunyai status kecemerlangan di peringkat nasional, malah global.

Cadangan :

- 1) **IPT mengambil berat dan memperkasa aspek pengurusan bakat akademik secara holistik dan berintegrasi** merangkumi aspek pemilihan dan pelantikan bakat terbaik, membangun dan mengasuh bakat, menyediakan pelan pelapis secara jangka panjang serta pengekalan bakat cemerlang;
- 2) **Pelan Peralihan (Pelapis) harus meliputi pewarisan jawatan pengurusan, kesinambungan kepakaran – kepimpinan akademik-para profesor serta kepimpinan pentadbiran;**

- 3) **Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) perlu distrukturkan dan peranannya dijajar semula supaya dapat menerajui gagasan kepimpinan cemerlang** di Malaysia dan di peringkat ASEAN.
- 4) **Skim perkhidmatan ahli akademik sedia ada dikaji semula dan ditambah baik khususnya dalam aspek umur persaraan profesor** (pada kebanyakan negara antara 65 hingga 70 tahun). Hal ini penting kerana usia persaraan ahli akademik tidak boleh disamakan seperti penjawat awam yang lain.

CABARAN PENGANTARABANGSAN

Pengantarabangsaan pendidikan tinggi penting kepada institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Sumbangan kepada kelestarian kewangan IPT dan aspek kesedaran antara budaya dalam kalangan pelajar. Sumbangan ini jelas dalam tahun-tahun sebelum pandemik. Pengantarabangsaan pasca COVID-19 sudah berubah kerana teknologi telah membolehkan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian dan remote. Pengalaman semasa pandemik ini akan mempengaruhi mobiliti fizikal pelajar.

Isu :

- 1) Mobiliti secara maya boleh membantut matlamat sebenar di sebalik pengantarabangsaan, iaitu pengalaman antara budaya pelajar. Dalam hal ini reputasi IPT Malaysia dan keseluruhan sistem PT perlu dipertingkatkan untuk menarik pelajar yang masih ingin belajar di luar negara.
- 2) Agensi penguatkuasaan belum lagi sensitif kepada peri pentingnya pelajar antarabangsa kepada hasil negara dan IPT, dan ini akan membantutkan aspirasi hab fizikal melalui kemasukan pelajar asing

Cadangan :

- 1) MQA perlu menguar-uarkan kualiti IPT Malaysia di luar negara bagi menyokong usaha IPT dan *Education Malaysia Global Services (EMGS)*. MQA sudah mempunyai tahap kewibawaan dan reputasi yang tinggi sebagai agensi jaminan kualiti di luar negara melalui afiliasi dengan badan jaminan kualiti serantau dan antarabangsa. Dalam usaha untuk menarik pelajar, semua yang terlibat perlu menekankan secara seimbang, aspek kewangan dan juga bukan kewangan dalam strategi pengantarabangsaan Malaysia.
- 2) **Kebajikan pelajar asing perlu diberi keutamaan** dan impak positif kepada pelajar dan staf IPT tempatan dalam aspek antara budaya perlu dipupuk.
- 3) **EMGS bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan IPT perlu mempunyai sinergi terancang dalam menarik kemasukan pelajar ke Malaysia.**

- 4) Kemungkinan untuk mewujudkan hab pendidikan maya perlu diterokai. Ini untuk mengatasi segala bentuk hambatan mobiliti fizikal. Hab bentuk ini tidak ideal dari sudut impak kepada hasil negara dan institusi serta pendedahan pelajar kepada elemen antara budaya. Namun ia boleh diwujudkan bersekali dengan hab pendidikan fizikal.

CABARAN SUMBANGAN UNIVERSITI UNTUK NEGARA DAN MASYARAKAT

Penubuhan universiti di Malaysia mestilah mengambil kira kepentingan awam yang dapat memenuhi keperluan negara dan masyarakat. IPT yang dibiayai oleh kerajaan dan dana awam perlu meletakkan fokus utama, iaitu bagaimana universiti boleh memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Ia boleh disumbangkan melalui penghasilan insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, inovasi yang memacu ekonomi berpendapatan tinggi dan pemindahan ilmu serta kepakaran. Universiti yang tidak menerima dana awam perlu juga menekankan sumbangan dalam perkara yang sama.

Isu :

- 1) IPT telah memberikan tumpuan yang berlebihan dalam memposisikan kedudukan mereka dalam sistem penarafan ranking dunia. Ini juga menyebabkan persaingan semakin meningkat dan keserakanan dalam kalangan IPT semakin merosot.
- 2) IPT tidak mampu membangunkan ilmu watan atau kearifan tempatan kerana masih bergantung kepada ilmu kolonial dan ciptaan Barat.
- 3) Universiti awam khususnya tidak dapat menyerlahkan bidang tujuhan atau niche masing-masing dan ini mengakibatkan sumbangan mereka kepada negara dan masyarakat kurang dirasai dan tidak berimpak tinggi.

Cadangan:

- 1) **Setiap universiti perlu memberi tumpuan kepada bidang tujuhan atau niche masing-masing** dan menentukan projek-projek berjenama bagi menampung keperluan negara dalam pelbagai aspek seperti jaminan bekalan makanan, keusahawanan dan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).
- 2) Bagi melonjakkan lagi tahap sumbangan universiti menepati keperluan negara dan masyarakat, **IPT perlu membangunkan ilmu watan atau kearifan tempatan yang berpaksi dan berfokuskan kepada kepentingan setempat.** Penerokaan ilmu watan ini akan membebaskan kebergantungan IPT sepenuhnya kepada ilmu kolonial. Dalam hal ini, **PenDaPaT mencadangkan penyertaan IPT khususnya universiti awam dalam penarafan ranking dunia tidak keterlaluan agar ia tidak menghalang usaha mereka untuk memberi tumpuan kepada sumbangan negara dan masyarakat.** Tumpuan secara berlebihan universiti awam dalam ranking menyebabkan banyak lagi sumbangan universiti dan ahli akademik tidak

diambil kira dan diberikan perhatian. Memberi penekanan kepada hasil penyelidikan yang komprehensif yang mempunyai kepupayaan untuk memberi sumbangan signifikan kpd cabaran masyarakat beraiatan sosial, ekonomi dan pembangunan lestari.

- 3) Aktiviti khidmat direncana untuk **menyumbang kearah keperluan komuniti setempat termasuk menyelesaikan masalah meruncing masyarakat melalui penyelidikan, pembincangan kritikal, merancang dan mengendalikan program intervensi atau inovasi sosial** berasaskan kesarjanaan serta mendidik masyarakat. Aktiviti ini perlu dilihat keberkesannya.

CABARAN PENGEKALAN EKOSISTEM DAN BUDAYA AKADEMIK TULEN BERASASKAN KECEMERLANGAN

Ekosistem IPT menggambarkan sistem yang kompleks berkaitan fungsi dan kepentingan setiap pihak (pelajar, ahli akademik, sistem sokongan) serta faktor persekitaran seperti dasar, infrastruktur yang mampu mengurus dan memastikan kelangsungan IPT. Setiap pihak dan faktor persekitaran saling memerlukan dan perlu berfungsi dgn berkesan untuk mencapai kecemerlangan.

Isu :

- 1) Ekosistem akademik cemerlang di IPT belum diberi perhatian secara berstruktur. Justeru, IPT berhadapan dengan isu berkaitan pemilihan dan pelantikan akademik pakar yang berkeperibadian unggul, Lantikan Dekan dan Pengarah berwibawa, keseimbangan antara kualiti dan kuantiti, kemerosotan profesion akademik, kebejatan nilai teras akademik, isu etika dan salah guna kuasa dan budaya politik yang semakin menular dalam dunia akademik. Lebih memburukkan lagi keadaan, penekanan terhadap retorik melalui slogan dan *battle cry* atau aktiviti hiburan berbanding aspek-aspek substantif (pengisian) yang berkaitan dengan budaya dan kecemerlangan akademik telah menenggelamkan fokus utama kementerian dan IPT.
- 2) Perhatian kepada aspek kualiti dan impak penyelidikan dan inovasi yang boleh dimanfaatkan kepada komuniti dan negara masih belum menyeluruh disebabkan penekanan kepada aspek kuantiti dan kumulatif penyelidikan, tidak seimbang dengan fungsi pemindahan ilmu kepada pelbagai golongan pihak berkepentingan dan perkhidmatan akademik berasaskan ilmu/kepakaran. Budaya akademik di IPT sangat berpaksikan budaya KPI.
- 3) Isu etika, profesionalisme dan integriti dalam pengajaran, penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan berada pada tahap serius. Masih terdapat kes pelanggaran etika yang tidak diurus dengan baik dan tidak diambil tindakan tegas sehingga boleh menghasilkan amalan atau budaya songsang.

Cadangan :

- 1) Universiti Penyelidikan meletakkan matlamat untuk menjadi universiti yang memimpin dalam pendidikan holistik, pengetahuan fundamental dan pendidikan professional yang memberi impak kepada kepentingan masyarakat dan isu sejagat. **Keperluan untuk universiti penyelidikan memastikan sinergi antara penyelidikan dan pengajaran (research led education) dan khidmat dan program multidisiplin.**
- 2) Proses membuat keputusan berkaitan warga dan universiti diurusperdanakan untuk **memastikan pengurusan yang efektif dengan mengamalkan falsafah membuat keputusan berasaskan akauntabiliti, berasaskan justifikasi dan bukti yang kukuh, keputusan bermaklum.** Falsafah pengurusan lebih telus dan jelas mampu menghindarkan kontroversi dan pertikaian antara pihak pengurusan tertinggi dan warga IPT yang sering berlaku sejak akhir ini.
- 3) Mengamalkan prinsip penambahbaikan berterusan dan inovasi- yakni **sentiasa memperbaharui dan membaiki sistem cth sistem yang rigid dan tidak fleksibel atau suasana kerja yang tidak fleksibel bagi memastikan pengurusan yang efektif serta kebajikan warga terjamin.**
- 4) Memastikan aspek integriti, profesionalisma dan keterbukaan minda diberikan penekanan yang tinggi dalam aktiviti akademik serta penilaian prestasi dan kenaikan pangkat. Unit integriti perlu berada di bawah seliaan LPU dan bukan Naib Canselor.

19 DISEMBER 2022

Disediakan oleh:

PROFESOR DATO' DR NORZAINI AZMAN
Pengerusi PenDaPaT, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PROFESOR EMERITUS DATO' DR. MORSHIDI SIRAT
Penasihat PenDaPaT, Universiti Sains Malaysia (USM).

PROF. MADYA DR. MOHD IZANI MOHD ZAIN
Ahli Jawatankuasa PenDaPaT, Universiti Putra Malaysia (UPM).